

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan seperti berikut:

- **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan**
 - a. Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) [Modal Berbayar RM1 Juta]**
 - i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat telah tercapai; tadbir urus korporat adalah baik; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
 - ii. Penemuan Audit adalah seperti berikut:
- **Pencapaian Output**
 - Pengeluaran air mentah dan permintaan air terawat adalah baik;
 - Bagi tahun 2018 hingga 2020, kadar rizab margin bagi keseluruhan Negeri Sembilan mencatat paras antara 20.6% hingga 27.6%. Pada tahun 2021, pencapaian sebenar telah menurun kepada 19% tetapi masih berada dalam sasaran SAINS iaitu 18.9%.
 - Bagi tahun 2018 hingga 2021, pengeluaran bil adalah antara 96.9% hingga 99.9%;
 - Bagi tahun 2018 hingga 2021, pencapaian tempoh purata kutipan bil adalah kurang memuaskan iaitu antara 47 hingga 57 hari berbanding KPI yang ditetapkan iaitu 45 hari; dan
 - Bilangan akaun aktif yang berdaftar pada 31 Disember 2021 adalah 457,670 akaun dan bilangan tersebut meningkat sebanyak 5.7% berbanding 432,918 akaun pada tahun 2018.
- **Pencapaian Keberhasilan**
 - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) terjejas kerana SAINS menghadapi kekangan kewangan;

- Bagi tahun 2018 hingga 2021, bilangan aduan bekalan air berjaya diselesaikan adalah antara 77.7%, hingga 87.6%;
- Bagi tahun 2018 hingga 2021, pencapaian NRW kurang memuaskan iaitu 31.9% (2018), 31.9% (2019), 31.8% (2020) dan 32.3% (2021) berbanding KPI NRW SAINS yang telah ditetapkan iaitu 28% (2018), 26% (2019), 25% (2020) dan 31.2% (2021); dan
- Kos operasi sebenar setiap m3 air terawat yang dikeluarkan telah mencapai KPI yang ditetapkan iaitu antara RM0.72 hingga RM0.74 kecuali pada tahun 2021 sejumlah RM0.69 berbanding KPI iaitu RM0.68.

- **Pengurusan Aktiviti**

- Pengurusan enap cemar adalah baik;
- Penangguhan projek CAPEX menjejaskan perkhidmatan bekalan air yang cekap; dan
- Sehingga 31 Disember 2021, jumlah tunggakan pemiutang adalah sejumlah RM57.62 juta.

- **Tadbir Urus Korporat**

Amalan tadbir urus korporat adalah baik. Hanya tiga daripada lapan aspek Tadbir Urus Korporat tidak diamalkan sepenuhnya.

- **Kedudukan Kewangan**

- Laporan Juruaudit Tanpa Teguran bagi tahun kewangan 2018 – 2020; dan
- Kedudukan kewangan stabil. Usaha yang lebih giat perlu bagi mengutip hasil dan mengurangkan tunggakan pemiutang.

2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara kepada SAINS adalah empat.